

Agama Islam diturunkan oleh Allah SWT sebagai bimbingan dan panduan kepada manusia untuk menjalani kehidupan yang selamat di dunia serta akhirat. Islam menyediakan solusi dan alternatif untuk menyelesaikan segala permasalahan yang mereka hadapi.



Islam adalah agama wahyu yang sesuai dengan fitrah kejadian manusia dan tidak bercanggah dengan akal. Islam bukan ciptaan Nabi Muhammad SAW. Islam juga bukan ideologi yang lahir daripada pemikiran dan proses intelektual seperti fahaman-fahaman lain.



Manusia dikurniakan akal oleh Allah SWT yang membezakannya daripada haiwan serta makhluk lain. Dengan akal, manusia dapat mengetahui kejadian di sekitarinya, memahami suatu perkara secara rasional serta memikirkan sifat-sifat Allah SWT yang wajib, mustahil dan harus.

Namun, kemampuan akal manusia ada batasnya. Terdapat banyak perkara yang tidak boleh dan tidak mampu difikir serta diungkapkan melalui akal. Sebab itulah manusia dilarang menggunakan akal di luar kemampuan untuk menyelami perkara-perkara ghaib seperti Hari Kiamat, syurga, neraka dan roh yang tidak dapat diuraikan secara saintifik mahupun berdasarkan kepada kajian.

Akal perlu dikawal dan dipandu ke arah kebaikan supaya tidak disalahgunakan sehingga membawa kepada kerosakan dan kemusnahan. Akal harus digunakan dengan sebaik-baiknya sebagaimana difirmankan Allah SWT dalam al-Quran yang bermaksud:

"Sesungguhnya syaitan itu telah menyesatkan sebahagian besar di antaramu, maka apakah kamu tidak berakal."

(Surah Yasin: 62)

Hujah akal perlu bersandarkan kepada dalil-dalil naqli.

! Di dalam al-Quran, terdapat 13 ayat yang berkaitan dengan penggunaan dan kepentingan akal.

Al-Quran bukan merupakan ciptaan Nabi Muhammad SAW; al-Quran bukan ideologi yang terhasil daripada pemikiran manusia. Al-Quran memberikan petunjuk dan pedoman kepada manusia untuk menuju kepada kebenaran dan kesejahteraan. Al-Quran adalah sumber utama yang mengandungi seruan dan tuntutan pematuhan kepada Allah SWT dengan melakukan suruhan-Nya dan menjauhi setiap larangan-Nya.



Al-Quran adalah sumber ilmu yang utama dan menjadi asas kepada perkembangan ilmu-ilmu lain.

Ayat pertama di dalam al-Quran iaitu 'Iqra' bermaksud bacalah. Ayat ini menunjukkan pentingnya proses menuntut ilmu. Namun, pencarian ilmu itu perlu dilakukan dengan panduan wahyu Allah SWT dan bukan berpaksikan kepada akal, nafsu dan kehendak manusia semata-mata. Ini bagi memastikan tidak berlakunya pemesongan pada ilmu sehingga lahirnya pelbagai bentuk ideologi .

Islam adalah ad-deen, iaitu cara hidup yang lengkap. Ajaran Islam merangkumi seluruh bidang kehidupan seperti agama, politik, ekonomi, sosial, kebudayaan, munakahat, pendidikan, sains dan sebagainya. Islam memenuhi kehendak fitrah manusia sama ada jasmani, rohani, naluri mahupun tuntutan sanubari dan emosinya. Islam memperakui sifat-sifat manusiawi dan menyediakan landasan yang sesuai untuk manusia merealisasikan nilai-nilai kemanusiaannya di atas dunia ini.



Agama Islam adalah ajaran yang praktikal dan mengandungi tatacara sebagai model terbaik untuk cara hidup yang lengkap juga sesuai dengan perkembangan zaman serta perubahan semasa. Agama Islam memenuhi setiap keperluan manusia tanpa mengira latar belakang keturunan, tempat kelahiran atau pandangan hidup yang berbeza-beza. Setiap manusia dapat berkongsi nilai sejagat yang terdapat dalam ajarannya.

"Wahai orang yang beriman! Bertakwalah kamu kepada Allah dengan sebenar-benar takwa, dan janganlah sekali-kali kamu mati melainkan dalam keadaan Muslim (beragama Islam)." **(Surah Ali-'Imran : 102)**



Teks oleh : Ann Wan Seng



Diterbitkan oleh :
YAYASAN DAKWAH ISLAMIYAH MALAYSIA
Aras 4, Blok D, Kompleks Islam Putrajaya
No. 3, Jalan Tun Abdul Razak, Presint 3
62100 Putrajaya
Tel.: +6(03)-88703870
Faks.: +(03)-88703871
www.yadim.com.my



yadimofficial YAYASAN DAKWAH
ISLAMIYAH MALAYSIA
yadim yadimTV

www.yadim.com.my

buku.yadim.com.my
Kedai Buku YADIM

ISLAM
BUKAN
IDEOLOGI



"Sesungguhnya agama (yang benar dan direndai) di sisi Allah ialah Islam. Orang (Yahudi dan Nasrani) yang diberikan kitab itu tidak berselisihan (mengenai agama Islam) melainkan setelah sampai kepada mereka ilmu (yang sah tentang kebenarannya) semata-mata kerana hasad dengki yang menebal dalam kalangan mereka. Sesiapa yang mengingkari ayat-ayat keterangan Allah, maka sesungguhnya Allah amat cepat perhitungan-Nya."

(Surah Ali-Imran: 19)